

CNS7105

U GB 05-04 00165 BA592

aab

Mahathir - Mullah

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

TEHERAN, 5 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengadakan perbincangan dari hati ke hati dengan ulama-ulama Iran, termasuk wali faqih, Ayatollah Syed Ali Khamenei di sini.

Perdana Menteri memberitahu mereka tentang pentingnya pemimpin serta umat Islam di seluruh dunia berpadu dalam usaha mengembalikan maruah ummah.

Katanya, umat Islam hendaklah sentiasa berusaha menguasai pelbagai ilmu pengetahuan supaya mereka lebih dihormati pada mata dunia.

Beliau menyebut tentang kegebilan tamadun Islam masa lalu yang jelas membuktikan bahawa dengan kepimpinan yang berwibawa, bijaksana dan berilmu, umat Islam mampu mempengaruhi dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir juga memberitahu para ulama itu bahawa sebagai seorang Islam, beliau merasa amat dukacita tentang perpecahan umat Islam sekarang yang menyebabkan mereka menjadi lemah dan tidak berdaya sehingga terpaksa mengharap bantuan daripada kuasa-kuasa bukan Islam atau dimomok-momokkan oleh musuh-musuh Islam seperti yang berlaku di Bosnia-Herzegovina. -- Lagi.

RS NM

♥05/04/11-28MST

CNS7106

R GB 05-04 00126 DA593

aab

Mahathir - Mullah 2 Teheran

Perdana Menteri mahu umat Islam melupakan perselisihan kecil seperti perbezaan pendapat mengenai sesuatu perkara demi untuk mencapai matlamat perpaduan yang lebih besar bagi kesejahteraan seluruh ummah.

Beliau berikrar bahawa walaupun Malaysia merupakan sebuah negara kecil, ia akan berusaha sedaya upaya untuk mtsncapai hasrat itu.

Menurut jurucakap perwakilan Malaysia, para ulama itu bersetuju sepenuhnya dengan pendapat Dr Mahathir dan berjanji untuk berbuat sesuatu untuk mencapai hasrat berkenaan.

Mereka memberitahu Dr Mahathir bahawa mreka sentiasa menghormati Malaysia sebagai sebuah negara' Islam yang benar-benar berusaha untuk meningkatkan taraf hidup dan memberikan kesejahteraan kepada rakyatnya.

Para ulama mempunyai pengaruh besar dalam menentukan dasar kerajaan di republik itu. -- Lagi.

RS NM.

▼05/04/11-30MST

CNS7118

U GB 05-04 00141 BD930

aab

Mahathir - Mullah 3 Teheran

Di sebelah petang, Dr Mahathir, yang sedang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke negara ini, menziarahi makam allahyarham bekas pemimpin revolusi Islam Iran, Ayatollah Ruhullah Khomeini di Behest-e-Zahra dekat sini, sebelum berkerqta ke bandar Qom, bandar sejarah dan tempat kelahiran Khomeini, kira-kira 150km dari sini.

Di Qom, beliau menemui beberapa orang mullah lagi dan berjumpa dengan 18 pelajar Malaysia yang sedang menuntut di sebuah madrasah.

Perdana Menteri, dalam ucapan ringkasnya kepada para penuntut itu, menasihati mereka, agar jangan melupakan tanggungjawab sehagai rakyat Malaysia.

"Mereka hendaklah sentiasa mengelakkan diri daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir negatif dan menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha menuntut ilmu,"katanya.

Perdana Menteri juga meminta mereka supaya membantu kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan ummah apabila pulang ke tanah air kelak. -- Lagi

▼05/04/11-53MST

CNS7120

U GB 05-04 00127 BD931

aab

Mahathir - Mulah 4 (Akhir) Teheran

Wakil pelajar-pelajar itu, Encik Mohamed Daud memberitahu Dr Mahathir bahawa mereka datang ke Iran untuk menuntut ilmu.

Beliau berkata antara perkara yang mereka pelajari ialah perbezaan antara keempat-empat mazhab dalam Islam.

"Kami mendalami tentang sunnah wal jamaah, syiah dan sebagainya. Bagaimanapun, ini tidak semestinya kami akan mengikut ajaran syiah kerana kami tetap ahli sunnah," katanya.

Dalam pertemuan itu, para pelajar itu juga memohon bantuan kerajaan untuk mendirikan sebuah pusat pelajar di Qom.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji permohonan itu untuk menentukan keperluannya.

Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, yang turut mengiringi Perdana Menteri, menderma sebanyak ASS500 (RM1,300) kepada mereka. -- Bernama.

ars/hk/am/akd

▼05/04/11-56MST